

**TEKS PERBAHASAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23**

**N11 PERMATANG PASIR**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya berucap walaupun dalam masa yang singkat. Ucapan saya pada hari ini akan berkisar mengenai 3 tema utama yang sangat penting untuk diambil perhatian iaitu:

- Modifikasi kenderaan bermotor khususnya kenderaan beroda dua; dan
- Pencerahan politik kepada golongan belia.

**Modifikasi Kenderaan Bermotor**

Usul yang saya ingin ketengahkan adalah mengenai modifikasi kenderaan bermotor khususnya kenderaan beroda dua. Daripada kajian data, lebih 60% kemalangan jalan raya meningkat sejak 20 tahun yang lalu dan kebanyakannya daripada 16 hingga 30 tahun. Hal ini merupakan keresahan kepada negara terutamanya dalam lingkungan ini adalah golongan belia. Lumba haram berlaku disebabkan oleh modifikasi kenderaan mereka yang tidak mengikut panduan yang ditetapkan sehingga kenderaan tersebut boleh memecut lebih daripada had asal yang ditetapkan oleh kilang. Oleh itu, daripada kita melakukan sekatan jalan setiap hujung minggu untuk menahan kenderaan-kenderaan ini, saya percaya terdapat juga solusi lain yang lebih efektif iaitu dengan menggubal undang-undang supaya mengharamkan penjualan barangan kenderaan bermotor yang tidak mengikut panduan yang telah ditetapkan. Dengan pengharaman ini, jika tidak ada yang menjual, tidak akan ada yang akan membeli. Pihak Polis juga boleh menubuhkan jabatan baru untuk memantau setiap kedai yang menjual aksesori kenderaan ini.

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga dapat meluangkan masa lebih bersama keluarga daripada sebelum ini kerana mereka juga manusia biasa. Daripada bertugas

seminggu sekali, perkara ini boleh ditukar menjadi tiga minggu sekali untuk bertugas kerana gejala lumba haram telah berkurang. Selain itu, apabila ditanya kepada pelajar-pelajar sekolah yang berkerja sambil mengenai duit yang mereka dapat digunakan untuk apa? Kebanyakan mereka akan menjawab jawapan yang sama iaitu untuk modifikasi kenderaan mereka supaya lebih laju. Dengan wujudnya usul ini, Perkara ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan kemalangan jalan raya, lumba haram, pencemaran udara dan pencemaran bunyi. Sebagai seorang belia, saya juga percaya bahawa negara amat sayangkan golongan belia kerana kami adalah masa depan negara. Saya juga tidak ingin melihat anak muda atau golongan belia ini habiskan sisa-sisa hidup dengan melakukan perkara yang sia-sia.

Jadi, apabila pengharaman ini berlaku, jika terdapat juga kenderaan yang modifikasi tanpa mengikut panduan yang ditetapkan, barulah perkara ini kita saman kerana ianya telah diharamkan berbanding sebelum ini, mereka membeli dengan duit apabila selesai pasang dan gunakan, mereka disaman sehingga ada juga yang disita. Hal ini tidak adil kepada pengguna dan penjual. Kesimpulannya, tujuan yang utama adalah untuk menjaga golongan belia ini kerana mereka ini adalah bakal-bakal pemimpin masa hadapan.

### **Pendedahan Politik Kepada Golongan Belia**

Tuan Yang di-Pertua,

Kita sedia maklum bahawa kerajaan telah memikirkan pelbagai inisiatif kepada golongan belia mengenai memberikan mereka pendedahan tentang politik. Saya bukanlah mahu masyarakat terutamanya golongan belia ini hanya fokus kepada politik negara akan tetapi memahami politik secara menyeluruh sebagai pentadbir negara. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh QGA, separuh daripada pengundi untuk pru15 yang lepas adalah daripada golongan belia iaitu kira-kira sebanyak 58% bersamaan 12.2 juta pengundi. Akan tetapi, sebanyak 40% belia dalam kalangan kaum Melayu yang mengundi pada pru15 baru-baru ini. Ini adalah salah satu contoh yang buruk kepada negara kerana golongan belia kita masih kurang cakna mengenai kepentingan mengundi itu sendiri.

Bagi saya, masalah ini perlu diselesaikan dari bawah ke atas bermulanya daripada akar umbi seperti di kampung-kampung, bandar, negeri serta negara. Akan tetapi, saya tidak mengatakan bahawa golongan belia kita tidak cakna, peratusan menunjukkan bahawa peningkatan berlaku daripada pru14 ke pru15 akan tetapi masih ramai yang tidak ambil endah mengenai hal ini. Saya memuji negeri kita kerana Pulau Pinang seperti yang kita dapat lihat, mempunyai pelbagai program yang dekat dengan golongan belia dalam memberikan pendedahan. Jadi bagi saya, kerajaan perlu memikirkan lagi cara yang lebih efisien dan berkesan dalam memenangkan hati golongan belia supaya tidak mempunyai pemikiran bahawa politik itu adalah sebuah perkara yang kotor.

Daripada pemerhatian saya, terdapat beberapa golongan belia yang berbeza wujud. Sebagai contoh, yang pertama adalah golongan belia yang betul-betul faham akan kepentingan politik dan polisi-polisi yang dibuat oleh kerajaan dan memilih pemimpin yang mempunyai kriteria yang sesuai. Golongan yang kedua adalah golongan yang mengundi, akan tetapi mengikuti keluarga terutamanya ibu dan ayah mereka. Golongan ini kebanyakannya berpendapat bahawa mengundi perlu ikut kaum atau bangsa walaupun kita dapat lihat dengan jelas korupsi yang timbul dalam kalangan calon tersebut. Pemikiran seperti ini haruslah dibuang dan kerajaan perlu fikir cara untuk menaturalisasikan semua pemikiran seperti ini. Hal ini adalah kerana terdapat beberapa orang yang membangkitkan hal agama dan bangsa supaya mendapat undi menyebabkan perkara ini menjadi sebatil dalam masyarakat. Golongan yang terakhir adalah golongan yang langsung tidak ambil peduli mengenai perkara ini. Mereka beranggapan bahawa politik adalah kotor, korupsi, rasuah dan sebagainya.

Dengan kondisi ekonomi negara yang kurang stabil menyebabkan wujudkan generasi GIG yang melakukan pelbagai pekerjaan untuk menampung kos sara hidup, tidak mempunyai gaji yang tetap menyebabkan mereka lebih fokus kepada mencari nafkah untuk diri sendiri dan keluarga. Golongan ini juga kebanyakannya daripada belia yang mempunyai masalah mental dan cenderung melakukan masalah sosial seperti dadah, private party, arak dan sebagainya. Kes bunuh diri juga kebanyakannya daripada golongan belia. Peratusan masalah mental dan kes bunuh diri di negara kita juga agak membingungkan kerana semakin meningkat. Terdapat juga antara

mereka yang mempunyai masalah dengan pembelajaran sebagai contoh pelajar-pelajar universiti yang mengalami depresi sehingga menyebabkan kes bunuh diri. Kesimpulannya, pada pandangan saya, jika kita mahukan golongan belia yang holistik secara menyeluruh yang mampu memahami apa itu politik. Kita perlu ambil tahu apa yang mereka lakukan sehari-harian serta menyelesaikan masalah masalah utama yang dihadapi oleh mereka terlebih dahulu barulah mereka mampu setidaknya untuk menfokuskan diri dalam politik sebagai seorang warganegara yang bertanggungjawab.

## **Kesimpulan**

Konklusinya, suka saya memetik sebuah hadis yang bermaksud "Kelak akhir zaman akan datang pemimpin-pemimpin yang aniaya, menteri-menteri yang fasik, hakim-hakim yang curang dan ulama-ulama yang pendusta. Barang siapa antara kamu yang sempat menemui zaman ini, hendaklah dia tidak menjadi pegawai pajak mereka, kakitangan kerajaan dan penguasa untuk membantu keburukan yang mereka lakukan kerana segala perbuatan mereka akan membawa mereka ke jalan neraka. " Jadi, saya menyeru agar seluruh ahli di dalam dewan ini supaya memilih orang yang benar tidak kisah agama yang berbeza mahupun bangsa yang berbeza sebagai pengikut ataupun sebagai contoh tauladan

dan saya yakin dalam kalangan kita akan ada yang akan memimpin untuk masa hadapan. Jadi, saya berharap agar jikalau kita dapat memimpin dan dipilih untuk memimpin, lakukanlah dengan sebaik mungkin. Sifar korupsi, sifar rasuah dan sebagainya. Bangunkanlah negara, bangunkanlah belia, jangan hanya tingkatkan angka sahaja, malah tingkatkan juga Kebahagiaan Kebangsaan Kasar (GNH) di dalam negara kita.

Sekian, terima kasih.

**Mohamad Nor Syazwan Bin Zawawi**

**N11 Permatang Pasir**

**Sidang Muda 2022/23**